

**KEMPEN AR-RAHNU BAYAR DAN MENANG 2.0**  
**KATEGORI A (CAWANGAN AR-RAHNU YAPEIM)**

**TERMA DAN SYARAT**

❖ **SYARAT KELAYAKAN:**

1. Kempen ini terbuka kepada semua cawangan Ar-Rahnu YaPEIM yang menggunakan POS Terminal Bank Rakyat bagi pembayaran melalui kad. Senarai cawangan Ar-Rahnu YaPEIM yang terlibat adalah seperti di Lampiran 1.
2. Bagi cawangan Ar-Rahnu YaPEIM yang berminat dan memohon pemasangan POS Terminal Bank Rakyat semasa tempoh kempen berlangsung, cawangan tersebut juga boleh mengambil bahagian dalam kempen ini.

❖ **TEMPOH KEMPEN:**

1. Kempen akan bermula dari 1 Julai 2025 sehingga 31 Disember 2025.

❖ **MEKANISME PENYERTAAN DAN HADIAH:**

1. Semua cawangan Ar-Rahnu YaPEIM mesti menggunakan POS Terminal Bank Rakyat sebagai penerimaan pembayaran. Semua transaksi hendaklah dilaksanakan melalui POS Terminal Bank Rakyat dengan menggunakan Kad Debit-i atau Kad Kredit-i Bank Rakyat.
2. Hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:

| <b>Kelayakan</b>   | <b>Hadiah</b>   |
|--|---|
| a) Sepuluh (10) cawangan Ar-Rahnu YaPEIM dengan jumlah penjualan tertinggi dan;<br>b) Sepuluh (10) cawangan Ar-Rahnu YaPEIM dengan jumlah transaksi terbanyak. | <p style="text-align: center;"><b><u>Hadiah Utama</u></b></p> <p>Ganjaran Tunai sebanyak RM3,000</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu cawangan Ar-Rahnu YaPEIM dengan penjualan paling tertinggi dan;</li> <li>• Satu cawangan Ar-Rahnu YaPEIM dengan jumlah transaksi terbanyak</li> </ul> <p style="text-align: center;"><b><u>Hadiah Sagu Hati</u></b></p> <p>Ganjaran Tunai sebanyak RM1,000</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 18 cawangan Ar-Rahnu YaPEIM yang layak.</li> </ul> |
|  |   |

3. Pemilihan pemenang akan dibahagikan kepada dua kategori iaitu:
  - a) Sepuluh cawangan Ar-Rahnu YaPEIM dengan penjualan tertinggi dan;
  - b) Sepuluh cawangan Ar-Rahnu YaPEIM dengan jumlah transaksi terbanyak.

**Nota:**

- Untuk pemilihan pemenang utama daripada 20 cawangan yang dipilih berdasarkan dua kategori yang dipertandingkan, satu cawangan Ar-Rahnu YaPEIM teratas yang layak bagi setiap kategori akan diberi hadiah utama.
- Manakala 18 cawangan Ar-Rahnu YaPEIM yang layak akan menerima hadiah sagu hati.
- Setiap cawangan Ar-Rahnu YaPEIM yang terpilih (jika dipilih sebagai pemenang) hanya layak memenangi satu (1) hadiah untuk satu (1) kategori sahaja.

4. Pemenang akan dipilih oleh Bank Rakyat berdasarkan laporan invois transaksi dan penjualan melalui POS Terminal Bank Rakyat (jumlah terkumpul).
5. Pemenang bagi kempen ini akan diumumkan dalam masa empat (4) minggu selepas kempen berakhir.
6. Bank Rakyat akan memasukkan ganjaran tunai ke Akaun Semasa-i Elektronik pemenang.
7. Pemenang akan dimaklumkan melalui panggilan telefon atau lain-lain kaedah yang dirasakan bersesuaian oleh Bank Rakyat.
8. Bank Rakyat boleh menggantikan hadiah (jika perlu) dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang sama, dengan menyiaran notis dalam laman sesawang Bank Rakyat atau mana-mana saluran yang ditentukan sesuai oleh Bank Rakyat.

❖ **LAIN-LAIN**

1. Dengan menyertai kempen ini, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat rasmi yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh Bank Rakyat yang dianggap muktamad.
2. Bank Rakyat mempunyai hak eksklusif untuk mencetak atau menyiaran nama dan gambar peserta untuk tujuan promosi dalam akhbar, majalah, laman sesawang Bank Rakyat atau mana-mana saluran media yang bersesuaian.
3. Bank Rakyat boleh menolak dan/atau mengeluarkan sebarang penyertaan yang tidak tepat, tidak lengkap, mencurigakan, manipulasi dan tidak sah serta tidak memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam terma dan syarat.
4. **PENAFIAN: TERTAKLUK PADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT DAN ANAK SYARIKATNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PESERTA ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA (KECUALI UNTUK LIABILITI YANG TIMBUL DARIPADA KECUAIAN MELAMPAU, SALAH LAKU, SENGAJA, FRAUD ATAU KEINGKARAN SENGAJA BANK RAKYAT) UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TAULADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN DALAM KEMPENINI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITIKETAT ATAU SEBALIKNYA DAN SAMA ADA PESERTA TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.**
5. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kejadian yang disebabkan oleh bencana alam, perang, perisikan, perintah berkutung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan sistem atau sebarang situasi di luar kawalan Bank Rakyat.
6. Dengan menyertai kempen ini, peserta bersetuju dan membenarkan Bank Rakyat untuk mendedahkan maklumat peserta kepada mana-mana wakil yang dilantik oleh Bank Rakyat untuk Kempen ini.

7. Bank Rakyat boleh meminda, membatalkan atau menambah terma dan syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis di laman web Bank Rakyat dan sebarang pindaan, pembatalan atau penambahan berkuat kuasa selepas notis tersebut dikeluarkan.
8. Terma dan syarat ini ditadbir dan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia.
9. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Kad Bank Rakyat di talian 03-2693 6880 atau layari [www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my).